

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Wednesday, 29 March, 2017 2:22 PM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub; Noor Azman B Yusof
Subject: Pusat Penginapan Pelajar (SAC) ONLINE: KURSUS ASAS PENDAWAIAN ELEKTRIK 2017



29 MAC 2017, RABU | 1 REJAB 1438H



Diterbitkan oleh Unit Penerbitan, Media & Penyelidikan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Utara Malaysia

Pusat Penginapan Pelajar (SAC) ONLINE: 70 orang peserta menghadiri Kursus Asas Pendawaian Elektrik 2017 untuk Penyelia Asrama, Pembantu Awam SAC dan INASIS yang diadakan di Akademi Binaan Malaysia (ABM) pada 27 hingga 28 Mac 2017 anjuran Pusat Penginapan Pelajar (SAC).

Kursus ini diadakan sebagai pendedahan kepada semua kakitangan yang terlibat tentang asas kemahiran dalam penyenggaraan untuk diaplikasikan dalam kerja seharian. Peserta didedahkan dengan modul asas seperti Sistem Pendawaian Konduit PVC dan Pemasangan Aksesori Pendawaian (Soket/Lampu/Kotak Fius Agihan).

Kursus ini dirasmikan oleh Yang Berusaha Dr. Mohammad Muhaizam Hj Musa, Pengerusi Majlis Pengetua yang mewakili Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UUM. Dalam ucapan perasmianya, beliau menyatakan bahawa *Do. It. Yourself* (D.I.Y) oleh kakitangan SAC dan INASIS ini secara tidak langsung dapat memberikan kemahiran kepada kakitangan untuk memberikan perkhidmatan kepada INASIS serta perkhidmatan yang diberikan akan lebih cepat dan menjimatkan kos universiti.

Turut hadir bersama di dalam majlis perasmian tersebut adalah Encik Noor Azman Yusof, Pengarah SAC UUM, Encik Zolkefli Abdullah, Ketua Pusat Kecemerlangan Mekanikal dan Elektrik ABM serta Pegawai-pegawai SAC dan tenaga pengajar ABM.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.